

SOALAN NO. : 495

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

NO. RUJUKAN :

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah jumlah yang diperuntukkan kepada Jabatan Pengaliran dan Saliran, Daerah Manjung bagi tahun 2013, 2014, 2015, 2016 & 2017. Berapa jumlah-jumlah ini diperuntukan untuk menyelesaikan banjir yang setiap tahun berlaku di kawasan Parlimen Beruas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sejak tahun 2013 hingga 2017, daerah Manjung telah menerima peruntukan daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Skeitar (NRE) sebanyak RM13,845,863.60. Daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak RM 9,118,405.00 telah/ akan dibelanjakan untuk Parlimen Beruas bagi usaha menyelesaikan banjir di kawasan setempat.

Butiran terperinci peruntukan yang telah diberikan adalah seperti berikut:

PERKARA	TAHUN					Jumlah
	2013	2014	2015	2016	2017	
Jumlah Peruntukan Diterima JPS Daerah Manjung (RM)	3,950,521.00	1,951,689.00	1,213,130.00	3,932,523.60	2,798,000.00	13,845,863.60
Jumlah Peruntukan telah/akan Dibelanja Untuk penyelesaian banjir di Parlimen Beruas (RM)	3,149,076.00	642,215.00	447,343.00	2,743,771.00	2,136,000.00	9,118,405.00

Sekian, terima kasih.

SOALAN (496)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG
[BATU]**

SOALAN :

YB TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Bilakah projek ECRL dijangka siap. Sila nyatakan fasa and tarikh penyiapan. Apakah jangkaan tambang tiket ECRL Sila senaraikan berdasarkan kategori.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, East Coast Rail Link (ECRL) merupakan projek infrastruktur yang penting bagi Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang. Pelaksanaan ECRL akan menjadi pemangkin transformasi untuk negeri-negeri pantai Timur di Semenanjung dan bakal merangsangkan lagi pertumbuhan sosio ekonomi, serta memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Pemilikan, pengurusan dan operasi ECRL akan secara sepenuhnya di kawal oleh Malaysia. Bagi projek ini, syarikat khusus yang dipertanggungjawabkan ke atas pembangunan projek iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRLSB) yang telah ditubuhkan di bawah Menteri Kewangan DiPerbadankan (MKD). Kementerian Kewangan melalui MRLSB akan memperhalusi syarat-syarat perjanjian projek dan perjanjian pembiayaan.

Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan telus dan terbuka mengenai pelaksanaan projek yang melibatkan kepentingan awam. Melalui

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) berkaitan projek ECRL ini telah dilancarkan pada 8 Mac 2017 oleh YAB Perdana Menteri. Sesi ini akan mempamerkan pertamanya, cadangan laluan kereta api dari Wakaf Bharu ke Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Gombak yang mempunyai 23 stesen di sepanjang landasan. Kedua, lokasi stesen pertukaran dengan landasan kereta api sedia ada di Semenanjung Malaysia dan ketiganya, lain-lain ciri projek ECRL.

Selain daripada ibu pejabat SPAD, sesi Pemeriksaan Awam akan turut diadakan di 38 lokasi yang boleh dikunjungi orang ramai, termasuk Pejabat-pejabat Daerah di Kota Bharu, Tumpat, Bachok, Pasir Putih, Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Marang, Kemaman, Dungun, Kuantan, Maran, Temerloh dan Bentong mulai 8 Mac 2017 sehingga 5 Jun 2017.

Pameran ini merupakan keperluan di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, yang menyatakan bahawa satu forum maklum balas awam perlu diadakan bagi setiap projek rel yang dicadangkan. Pameran ini juga bertujuan bagi memaklumkan kepada

orang ramai mengenai manfaat sosio-ekonomi projek ECRL kepada negara.

Sekian, terima kasih.

Mac 2017